

STAIK KEPIMPINAN PENGETUA DI SEKOLAH  
MENENGAH MEMPENGARUHI KELIRI SEKOLAH  
SATU KAJIAN DI ALOR GAIAH, MELAKA

VISAVA NATHAM A/L MATCHAP

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

## ABSTRAK

Tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti stail kepemimpinan pengetua Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Alor Gajah sebagai pentadbir organisasi sekolah dan pengaruhnya terhadap iklim sekolah. Stail kepemimpinan yang dilihat ialah kepemimpinan mengarah, kepemimpinan menyokong, kepemimpinan partisipatif dan kepemimpinan berorientasikan kejayaan. Faktor iklim sekolah yang dilihat ialah hormat, percaya, moral tinggi, peluang untuk memberi sumbangan, peningkatan akademik dan hubungan sosial, perasaan kekitaan, pembaharuan sekolah dan budaya penyayang.

Subjek kajian terdiri daripada 6 orang pengetua Sekolah Menengah Daerah Alor Gajah,Melaka dan 60 orang guru yang berjawatan tetap di sekolah yang sama.

Borang soal-selidik yang digunakan terdiri dari 9 item mengenai maklumat diri guru,32 item mengenai stail kepemimpinan pengetua serta 32 item lagi mengenai iklim sekolah. Soal selidik bagi mendapatkan maklumat mengenai diri pengetua pula mengandungi 15 item.

Data-data dianalisis dengan kekerapan, peratus, *Crosstabulation*, ANOVA sehala, Ujian Scheffe dan Korelasi Pearson 'r'.

Secara keseluruhan keputusan kajian ini memperlihatkan bahawa pengetua Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Alor Gajah mempunyai stail kepemimpinan yang berbeza-beza. Kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara stail kepemimpinan pengetua dengan iklim sekolah.